

KEBERKESANAN SIARAN RADIO SEBAGAI PENYAMPAI  
MAKLUMAT KEPADA PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA,SABAH

NORNILAM SARI BINTI HALIM

TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI



KEPERLUAN PENGIJAZAHAN

SARJANA MUDA

UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2022

## PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH

NAMA : NORNILAM SARI BINTI HALIM

NO.MATRIKS : BA19110355

TAJUK : KEBERKESANAN SIARAN RADIO SEBAGAI PENYAMPAI  
MAKLUMAT KEPADA PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA,SABAH

IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN  
(KOMUNIKASI)

TARIKH PENGHANTARAN : 12 OGOS 2022

 DISEMAK :  
DR SYAHRUDDIN BIN AWANG AHMAD  
(Penyelia)

DISAHKAN OLEH :



(Tandatangan)

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan kurnia-Nya dapat saya dan rakan-rakan menyiapkan tugas ilmiah kami dengan jayanya. Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah kerana memberi peluang kepada kami bagi menghasilkan tugas ilmiah kami ini dengan menyediakan kemudahan seperti perpustakaan bagi memudahkan kami mendapatkan bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian saya. Alhamdulillah, di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga kepada Dr Syahrudin Bin Awang , selaku penyelia saya di atas tunjuk ajar, bantuan, semangat dan juga idea yang telah beliau kongsi sepanjang menjadi penyelia saya serta ilmu yang telah beliau kongsi kepada saya untuk bagaimana menjadi seorang penyelidik yang baik.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga ingin saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya , Encik Halim Bin Matnin dan juga ibu saya Norasnida Loren yang sentiasa memberikan dorongan, doa, dan nasihat yang sangat berguna untuk saya jadikan panduan ke masa hadapan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang membantu saya dalam menghebahkan dan mengumpul data berkaitan dengan kajian saya bagi memudahkan saya membuat analisis berkaitan kajian saya. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan juga tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan juga bantuan dalam saya menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang sangat berguna untuk tatapan kepada generasi yang akan datang

## ABSTRAK

Radio merupakan salah satu medium komunikasi yang masih popular dikalangan khalayak. Ia menjadi pilihan seluruh golongan masyarakat memandangkan ia sangat relevan dengan kehidupan seharian. Melihat kepada aspek ini, radio merupakan medium yang digunakan sebagai sumber informasi dan juga hiburan oleh pendengar. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kepentingan siaran radio sebagai sumber maklumat dalam Pelajar Universiti Malaysia Sabah, mengkaji tahap kecenderungan pelajar mendengar Radio Kerajaan dan bukan Kerajaan serta meneliti faktor yang menyebabkan penggunaan radio sebagai medium penerimaan. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif yang mana tinjauan dilakukan dengan mengedarkan satu set borang soal selidik yang menggunakan kaedah *google form*. Kajian ini hanya memfokuskan kepada pendengar dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah sahaja.

Kata kunci: radio, kepentingan, kecenderungan



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGESAHAN</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	iv-v
<b>SENARAI JADUAL</b>	vi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	vii
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-7
1.2 Pernyataan masalah	8-9
1.3 Objektif kajian	9
1.4 Persoalan kajian	10
1.5 Skop kajian	10
1.6 Kesimpulan	11
<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	12-14
2.2 Sejarah perkembangan teori	15-17
2.3 Tinjauan kajian lepas	18-19
2.4 Model kajian	20-21
2.5 Pengkonsepan	22
2.6 Kesimpulan	23
<b>BAB 3: KAEDAH KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	24
3.2 Populasi dan sampel	24-26
3.3 Tatacara pengumpulan data untuk kerja lapangan	27
3.4 Pengoperasian	28-29

3.5 Kebolehlpercayaan dan kesahihan	30-33
3.6 Kesimpulan	34
<b>BAB 4: HASIL KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	35
4.2 Profil demografi	35-51
4.3 Kesimpulan	52
<b>BAB 5: PERBINCANGAN DAN GENERALISASI</b>	
5.1 Pengenalan	53
5.2 Perbincangan penemuan	54-55
5.3 Perbincangan kerangka teoritikal	56-57
5.4 Batasan kajian	57
5.5 Cadangan kajian masa akan datang	57-58
5.6 Kesimpulan	59
RUJUKAN	60-62
LAMPIRAN	63-69



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.4.1 Proses kajian fasa pertama & kedua	28
Jadual 1 : Taburan Demografi Responden	36
Jadual 2 Pecahan Mengikut Fakulti	38
Jadual 3 : Kepentingan siaran radio	40
Jadual 4 Kekerapan Mendengar Radio	43
Jadual 5 Kecenderungan Mendengar Radio Kerajaan dan Bukan Kerajaan	44
Jadual 6 Faktor Radio semakin terpinggir	46
Jadual 7 Faktor Radio semakin terpinggir	48
Jadual 8 Faktor Radio semakin terpinggir	50

**SENARAI LAMPIRAN**

Borang Soal Selidik  
(*Google Form*)

63-69



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Komunikasi adalah sebuah bidang ilmu yang sentiasa mengalami perkembangan daripada masa ke masa. Contohnya, teori elektromagnetik yang diformula oleh Maxwell telah menyumbang kepada pembentukan industri radio. Radio atau radio telegrafi dipanggil "telegrafi wayarles", atau singkatannya "wayarles" (wireless). Awalan radio- yang membawa erti penyiaran tanpa talian, julung kalinya dicatatkan dalam istilah *radioconductor*, ciptaan ahli fizik Perancis iaitu Édouard Branly pada tahun 1897, berasaskan perkataan Latin *radius* yang bererti "jejari roda" atau "sinar cahaya". "Radio" sebagai kata nama dipercayai telah dicipta oleh pakar pengiklanan Waldo Warren (White 1944), dan juga kelihatan dalam sebuah rencana tulisan Lee De Forest pada tahun 1907. Istilah "radio" turut diterima oleh bahasa-bahasa Eropah dan Asia.

Begitu juga dengan Laswell dalam tahun 1920-an yang menggambarkan radio sebagai sebuah medium yang kuat dan boleh memberi pengaruh yang kuat kepada masyarakat, yang mana masyarakat menerima dan bersetuju dengan apa sahaja yang disampaikan oleh radio. Idea Laswell tersebut memperlihatkan bahawa masyarakat tidak mempunyai pilihan selain mempercayai setiap kandungan yang disampai oleh radio.

Malah, kehadiran teknologi digital telah merubah senario tersebut apabila para pengkaji dari United Kingdom, Amerika Syarikat dan Korea Selatan mula memberi perhatian terhadap fenomena pendigitalan industri radio. Kesannya, wujud keperluan untuk memahami perkembangan teori dalam era revolusi industri 4.0, terutamanya yang melibatkan kajian terhadap radio. Ini disebabkan oleh fenomena pendigitalan telah menyumbang kepada kerelevanan industri radio untuk terus bertahan dan bersaing secara sihat dengan medium komunikasi yang lain. Berdasarkan fenomena pendigitalan, dapat dikatakan bahawa kajian radio perlu dikembangkan daripada perspektif yang lebih kukuh.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mendalami kepentingan komunikasi dari sudut siaran radio sebagai penyampai maklumat kepada Pelajar Universiti Malaysia, Sabah. Selain itu, perbincangan ini membincangkan penerimaan pelajar tempat kajian terhadap siaran radio kerana kesan revolusi industri ini serta kita dapat mengetahui cabaran yang menyebabkan kurangnya penggunaan siaran radio sebagai medium penerimaan maklumat. Secara idealnya, peranan radio sebagai alat penyampaian maklumat, hiburan dan pendidikan tidak boleh dinafikan.

Di universiti juga pelajar lebih suka atau gemar mendengar radio secara online kerana bagi mereka ia lebih memudahkan mereka untuk mengakses pada masa sekarang kerana semua hanya diujung jari sahaja dan mereka juga dapat mendengar radio di mana-mana sahaja sama ada semasa berada di dalam kenderaan atau pun berada di tempat kerja. Di zaman yang maju ini juga radio dapat membantu pendengar untuk menghilangkan tekanan di tempat kerja dan juga tekanan dalam menyiapkan tugas sebagai seorang pelajar dengan mendengarkan hiburan yang telah disediakan oleh setiap stesen radio yang ada.

Secara umumnya, sebelum kehadiran televisyen dan pendigitalan ke atas industri radio konvensional, setiap rumah di Malaysia pasti memiliki set radio kerana fungsi radio yang penting dalam kehidupan masyarakat. Hal ini dapat dibuktikan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Asiah (1996) dan Daruslam (2005) menonjolkan kepentingan peranan radio sebagai penyalur maklumat kepada masyarakat.

Namun secara realitinya, tidak dapat kita nafikan bahawa industri radio tidak “semeriah” dan hangat dibincang seperti televisyen dan kewartawanan. Hal ini dapat dibuktikan apabila kajian terhadap radio mengalami penurunan daripada segi angka, malah Tacchi (2000) mengatakan ia sebagai sebuah bidang “under rated research”, khususnya selepas televisyen diperkenal, yang mana, kebanyakan ahli falsafah lebih berminat untuk mengkaji dan mendalami kajian televisyen berbanding radio. Perubahan tersebut seolah-olah memperlihatkan kepentingan radio secara relatifnya adalah tidak penting. Maka tidak hairanlah mengapa sarjana seperti Anderson (2012) dan Starkey (2008) lantang berhujah dengan mempertikai kerelevanan industri radio.

Akibatnya, penerimaan dan penyebaran berita palsu semakin meningkat dari hari ke hari kerana masyarakat kurang menjadikan stesen radio untuk penerimaan maklumat sahih. Contohnya, Pelbagai isu dan polemik tidak berasas ketika COVID-19 juga sengaja dibuat dengan agenda tersendiri untuk menjatuhkan maruah dan integriti individu atau organisasi yang sebahagiannya merupakan berita palsu semata-mata. Semacam wujud perang siber yang terus menyerang di antara satu sama lain dan dalam masa sama banyak berita palsu dicipta dan disebar tanpa asas yang benar.

Secara umumnya, radio ini merupakan satu jenis media massa yang berperanan dalam menyampaikan pesan yang wujud dalam pelbagai aspek seperti hiburan dan juga informasi yang mana disampaikan kepada masyarakat di seluruh dunia. Radio ini telah mengalami perkembangan yang cukup lama dengan bantuan daripada 3 tokoh yang sangat dikenali pada masa dulu dan antaranya ialah James Maxwell yang telah berjaya menjumpai apakah rumus yang dapat membantu dalam mewujudkan gelombang elektromagnetik yang mana sehingga ini digunakan untuk gelombang radio dan juga televisyen.

Setelah penemuan itu, perkembangan radio mula menampakkan hasil bila mana ia berkembang di beberapa buah negara dan negara yang pertama sekali ialah Amerika Syarikat dengan pengembangan penemuan oleh Dr Lee De Forest sekitar tahun 1906 dan hal itu menyebabkan ia digelar sebagai "The Father Of Radio" dan seterusnya mengalami perkembangan yang pesat dan ini menyebabkan pada tahun 1923 telah berdirinya 556 station radio serta pada 1926 telah munculnya NBC (National Broadcasting Radio) sebagai badan siaran radio yang luas dan besar pada masa itu.

Perubahan besar tersebut menunjukkan peranan dan fungsi radio yang semakin berkembang sebagai medium komunikasi antara masyarakat meskipun telah berhadapan dengan beberapa perubahan sepanjang kewujudannya (Shannon dan Weaver, 1949). Serentak dengan kemunculan radio sebagai medium komunikasi, pelbagai model komunikasi telah dikemukakan oleh para ahli komunikasi bagi menerangkan bagaimana radio berfungsi dalam masyarakat. Namun, model yang terkenal dan terawal ialah Teori Matematik Komunikasi yang dikemukakan oleh Shannon dan Weaver (1949). Model itu menerangkan radio sebagai medium komunikasi

elektronik dengan merujuk kepada lima elemen utama iaitu punca, pemancar, isyarat, alat penerima dan destinasi.

Daripada model yang dikenalan oleh dua orang tokoh itulah bermulanya era baru penciptaan beberapa model dan teori komunikasi oleh pengkaji komunikasi seluruh dunia. Biar apapun model yang dikemukakan, peranan radio sebagai medium yang memudahkan interaksi antara khalayak dalam kelompok yang ramai terbukti penting dan diperlukan pada zaman tersebut. Seiring dengan perkembangan sejarah dunia juga, peranan radio turut mengalami perubahan yang tersendiri dan seara tiba-tiba. Bermula daripada fungsinya sebagai medium interaksi dan komunikasi antara masyarakat, radio turut berperanan memberi hiburan dan maklumat kepada masyarakat umum terutamanya pada waktu manusia berhadapan dengan pelbagai bencana seperti kegawatan politik, ekonomi dan sosial

Pada masa sekarang pun di antara media yang ada seperti televisyen dan media cetak, radio memiliki kelebihan yang mana alat media lain tidak ada sebagai contoh radio mudah diakses dan pendengar tidak perlu membaca untuk memahami apakah yang ingin disampaikan kepada orang ramai. Selain itu masyarakat dapat mendapatkan informasi dengan cepat dari radio dengan biaya murah kerana kita tidak perlu mengeluarkan atau membazirkan duit untuk menggunakannya. Keunggulan lain dari radio adalah sifatnya yang santai, kerana sifatnya mudah untuk difahami, lebih mudah orang menyampaikan pesan dalam bentuk acara yang menarik. Dalam hal ini musik memegang peranan yang sangat penting kerana pesan disampaikan diantara musik.

Secara umumnya, radio merupakan salah satu daripada media tradisional yang diperkenalkan dalam kalangan masyarakat. Melihat kepada sejarah Tanah Melayu, radio diperkenalkan pada tahun 1921 oleh jurutera British di Singapura. Sejak itu, radio telah berkembang pesat dan telah mencapai kepada tahap kemasyhurannya. Hal ini dapat dilihat terutama apabila penyiaran radio turut diperluaskan kepada penyiaran oleh syarikat media swasta pada pertengahan tahun 1990-an. Namun, dengan pengenalan dan seterusnya perkembangan internet serta media baharu, radio dilihat berhadapan dengan pelbagai permasalahan tetapi, kajian mengenainya kurang diperbincangkan

Media massa hari ini lebih tertumpu kepada satu keperluan yang lebih kepada komunikasi yang mana sesebuah negara memerlukannya berbanding sejarah awal medium ini yang menjadi alat untuk berfoya-foya sahaja dikalangan golongan bangsawan. Media massa secara umumnya memainkan peranan yang penting dalam melahirkan masyarakat yang maju dan berilmu. Media massa dapat didefinisikan sebagai "alat perhubungan" dan terbahagi dua iaitu media cetak dan media elektronik. Surat khabar dan majalah digolongkan di bawah media cetak, sementara media elektronik terdiri daripada radio, televisyen dan teknologi barn komunikasi. Kedua-dua media, media elektronik mahupun media cetak, mempunyai fungsi yang hampir sama sahaja tetapi tugas kedua-duanya ialah sebagai penyarnpai berita dalam dan luar negeri, pengkaji tindakan kerajaan, pemupuk perpaduan, menjadi pemerhati, penyebar fikiran rakyat, pendidik dan penggalak rakyat agar memberi tumpuan kepada isu nasional (Asiah Sruji, 1991).

Di samping itu, masih terdapat perbezaan antara kedua-dua media ini. Televisyen terutamanya mempunyai satu pengaruh kerana ia akan memberikan kesan yang mendalam kepada penonton

yang menggunakan media tersebut. Radio pula berkelebihan dari segi kemarnpuan siarannya yang melewati batas geografi melebihi media massa lain. Justeru itu, radio mempunyai penonton yang jauh lebih rarnai berbanding mana-mana media massa pada zaman dahulu. Oleh itu pihak-pihak yang terbabit perlu mengkaji semula rancangan-rancangan yang hendak disiarkan supaya tidak menimbulkan gejala-gejala yang kurang sihat kepada golongan-golongan tertentu. Itu kerana, media massa sebagai medium penyarnpai maklumat marnpu berperanan menjadi agen perubahan dan sosialisasi (Singhal dan Rogers, 1999). Kepada golongan muda pada masa kini

Perubahan teknologi maklumat yang bermula seawal lapan puluhan telah memberi kesan yang kekal, dan ianya akan berterusan kepada seluruh ahli sesebuah masyarakat. Fenomena ini diyakini lagi dengan munculnya pelbagai medium komunikasi terkini pada dekad-dekad menjelang alaf baru. Sekaligus, ia telah mewujudkan cabaran kepada keupayaan siaran radio kontemporari dalam melaksanakan peranan mereka menyediakan saluran komunikasi yang lebih teratur dan canggih.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat kepentingan radio sebagai sumber penyampai maklumat kepada pelajar pada masa kini kerana perubahan yang berlaku disebabkan oleh Revolusi Industri 4.0 menyebabkan pelajar sekarang kurang menggunakan radio sebagai sumber yang penting . Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap kecenderungan pelajar dalam mendengar radio kerajaan atau pun radio bukan kerajaan dalam kehidupan seharian mereka. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk meneliti apakah faktor-faktor yang menyebabkan penggunaan radio sebagai medium penerimaan maklumat semakin terpinggir pada masa kini, jika ianya dapat kita ketahui ianya akan membantu kita dalam mengembangkan lagi fungsi radio pada masa kini dan seterusnya ia akan membantu menarik perhatian pendengar lain.

Di samping itu, radio juga merupakan salah satu kebergantungan pelajar universiti untuk mengakses maklumat-maklumat yang penting dalam menyiapkan tugas mereka. Radio turut berfungsi sebagai sumber pendidikan dan penyampaian maklumat terkini melalui program dan informasi semasa yang mendidik masyarakat terutama pelajar universiti. (Leung, 2003). Informasi dapat disampaikan dengan lebih cepat dan meluas melalui radio oleh itu ia menjadi asbab kepada pelajar untuk terus bergantung kepada radio (McClung, Pompper, & Kinnally, 2007).

Oleh itu, radio digunakan untuk mendapatkan berita terkini dan memenuhi masa lapang (Mahat Jamal, 2014).Antara bentuk dan jenis maklumat yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar universiti dalam siaran radio yang mereka dengari ialah yang mana penyampai menyampaikan maklumat dalam bentuk jenaka. Kajian Ziv (2014) mendapati, jenaka dalam pembelajaran boleh




meningkatkan prestasi akademik pelajar. Jenaka yang diolah dengan baik juga berpotensi untuk mengubah tingkah laku manusia agar menjadi lebih baik, meningkatkan motivasi, mengurangkan kebimbangan dan mendorong manusia berfikir (Torok, McMorris, & Lin, 2004). Sehubungan itu, strategi jenaka boleh digunakan dalam menerapkan mesej serta nilai yang positif kepada remaja Generasi Z.

### **1.3 Objektif Kajian**

1.3.1 Untuk mengenalpasti kepentingan siaran radio sebagai sumber maklumat dalam Pelajar Universiti Malaysia Sabah.

1.3.2 Untuk mengkaji tahap kecenderungan pelajar mendengar Radio Kerajaan dan bukan Kerajaan

1.3.3 Untuk meneliti faktor yang menyebabkan penggunaan radio sebagai medium penerimaan maklumat semakin terpinggir.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **1.4 Persoalan Kajian**

1.4.1 Apakah kepentingan siaran radio sebagai sumber maklumat dalam Pelajar

Universiti Malaysia Sabah?

1.4.2 Bagaimanakah tahap kecenderungan pelajar mendengar Radio Kerajaan dan bukan Kerajaan?


1.4.3 Apakah faktor yang menyebabkan penggunaan radio sebagai medium penerimaan maklumat semakin terpinggir?

## **1.5 Skop Kajian**

Skop Kajian tertumpu kepada Pelajar di Universiti Malaysia Sabah . Tajuk ini dipilih sebagai topik kajian kerana pengkaji mendapati bahawa relevannya penggunaan radio pada masa kini sebagai penyampai maklumat harus diketengahkan dalam kehidupan seorang pelajar kerana penggunaan radio ini membantu mereka untuk mengetahui apa-apa sahaja berkaitan dengan isu semasa dan berita yang dibawa pula membawa berita yang sahih dan berinput. Terdapat pelbagai kaedah rujukan yang pengkaji gunakan dalam mengkaji tajuk ini, salah satunya melalui internet dan pengkaji melakukan tinjauan soal selidik melalui penyediaan *Google Form* yang diisi oleh pelajar berkaitan bagi memudahkan pengkaji mengumpul respon pelajar berdasarkan tajuk yang dikaji. Rujukan internet juga telah digunakan oleh pengkaji sebagai sumber untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

## 1.6 Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan secara keseluruhan bahawa penggunaan radio sebagai sumber penyampai maklumat adalah masih digunakan pada masa kini walaupun mendapat saingan yang kuat dari alat-alat komunikasi yang lain seperti televisyen, telefon dan juga komputer riba. Nilai sejarah yang terkandung di dalam radio sedikit sebanyak dapat memberikan kesan yang mendalam terhadap perkembangan radio sebagai sebuah penyampai maklumat yang relevan. Kesan daripada Revolusi Industri ini sedikit sebanyak memberi impak yang besar dalam penerimaan masyarakat dan perkembangan penyiaran radio itu sendiri. Akan tetapi, media penyiaran radio kelihatan masih utuh seiring peranannya sebagai medium memberi informasi. Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan sedar akan kepentingan radio sebagai medium penyaluran maklumat di negara ini seharusnya berasa bangga dengan usaha beberapa pihak kerajaan dan bukan kerajaan dalam mengekalkan radio sebagai wadah telinga kita sehari-hari.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Sorotan Literatur merupakan salah satu kaedah yang paling penting dalam menjalankan satu kajian bagi menghasilkan sesuatu kajian yang boleh dijadikan panduan. Namun, masih ada sesetengah pihak seperti pelajar dan juga pengkaji yang masih belum memahami secara mendalam berkaitan dengan sorotan literatur (*Literature review*). Ada juga dalam kalangan mereka yang menganggap sorotan literatur ini sebagai satu kajian yang dimasukkan di bawah kajian kepustakaan yang mana diletakkan di dalam bab metodologi kajian. Sebagai contoh, kajian ini menggunakan metodologi kajian.

Namun, sebenarnya sorotan literatur ini ialah melibatkan satu proses yang sangat penting dalam menghasilkan kajian. Ianya melibatkan proses membaca dan mengambil nota daripada kajian-kajian yang lepas iaitu kajian yang berkaitan dengan penyelidikan yang akan dijalankan. Ia merupakan satu panduan asas kepada pengkaji tentang apa yang ingin dikaji. Malah, hasil daripada kajian yang kita buat ini juga akan membantu mengenal pasti *gap of knowledge* yang seterusnya akan membawa pengkaji kepada permasalahan kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sorotan literatur ini juga turut membantu dalam memberikan idea-idea yang baru kepada pengkaji bagi menghasilkan satu karya yang baik.

Tambahan pula, banyak pengkaji-pengkaji yang gagal memahami bagaimanakah untuk mengaplikasikan kajian-kajian lepas ini, malah banyak bukti yang menunjukkan kajian pengkaji sebelum ini banyak membincangkan landasan teori dan konsep sahaja tanpa mencari gali kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan. Ulasan berkaitan dengan sorotan literatur bukan hanya kita membincangkan secara sepintas lalu tetapi ianya juga pengkaji perlu mendalami dan menghayati khususnya dalam mengupas metodologi yang telah dijalankan dan juga hasil kajian tersebut.

Radio merupakan satu medium yang tidak asing yang mana ia digunakan sebagai media komunikasi dan informasi. Terdapat dua fungsi radio yang ketara yang mana saya boleh kongsi. Yang pertama radio sebagai alat penerima informasi kepada pendengar yang mana alat penerima informasi ini terdiri daripada alat yang bergelombang (tuning), volume, bunyi, output dan antenna. Malah, yang kedua radio sebagai pemberi informasi pula merupakan satu stesen radio yang akan mengelola dalam menyampaikan maklumat menggunakan frekuensi mereka tersendiri.

Radio juga merupakan satu medium yang mempunyai pelbagai karakter yang menarik. Antaranya ialah, radio merupakan satu media komunikasi yang paling digemari pada era sebelum wujudnya televisyen dan medium yang canggih. Radio menjadi tarikan kerana ia juga dapat memberikan gambaran kepada pendengar tentang apa yang cuba disampaikan oleh penyampai yang bertugas Ketika itu. Elemen yang paling penting pada radio ialah radio turut memainkan peranan dalam menggerakkan emosi pendengar kerana elemen seperti lagu, kesan bunyi, tutur bicara penyampai dan sebagainya itu akan memberikan impak kepada emosi pendengar itu sendiri. Radio dengan mudah dapat menarik perhatian pendengar dengan mengadakan program yang

khusus (sesuai dengan kehendak pendengar). Medium ini juga mempunyai kelemahan dan juga kelebihan yang tersendiri, bukan radio sahaja tapi medium komunikasi lain juga. Kelebihan dan kekurangan ini juga turut menyumbang kepada keberkesanan sesebuah medium komunikasi dalam menyampaikan maklumat yang mana antara kelebihan yang ada pada radio ialah informasi yang disampaikan cepat kerana radio menggunakan frekuensi yang mana maklumat yang disampaikan ini bersifat langsung dan tidak seperti media lain seperti surat khabar yang mana ianya perlu dicetak terlebih dahulu sebelum disebar kepada masyarakat. Menurut seorang tokoh juga ia menyatakan bahawa komunikasi massa adalah suatu proses di mana satu organisasi media itu menghasilkan atau menyebarkan maklumat kepada khalayak dan info yang disampaikan kepada mereka juga akan turut mempengaruhi pemikiran mereka.

Radio juga merupakan satu medium yang semakin menjadi pilihan khalayak sasaran pada masa kini. Hal ini dinyatakan kerana menurut seorang tokoh iaitu Robert McLeish (2005) yang telah menyatakan beberapa faktor yang mana menunjukkan bahawa masyarakat pada masa kini memerlukan radio. Antaranya ialah ia bertindak sebagai satu pengganda perubahan yang mana ia akan mempercepatkan proses penyampaian maklumat kepada masyarakat dan sekali gus meninggikan kesedaran terhadap isu-isu utama pada masa ini yang sangat penting kepada masyarakat. Maklumat yang disampaikan juga berkaitan dengan keperluan masyarakat seperti berkaitan dengan kekosongan pekerjaan, isu berkaitan harga barangan dan juga iklan-iklan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang akan ditawarkan atau masyarakat, khususnya ketika berlaku kecemasan.

## 2.2 Sejarah Perkembangan Teori

Dalam kajian yang sedang saya jalankan ini saya menggunakan satu teori iaitu Teori Kegunaan dan Pemuasan Kehendak yang mana teori ini telah diperkenalkan oleh Suchman (1942), Herzog (1944), dan Berelson (1959) pada tahun 1940an. Menurut Katz, Blumber dan Gurevitch (1974), dalam Samsuddin A.Rahim (2003) yang menyatakan bahawa kebanyakan kajian yang berkaitan dengan komunikasi ini ianya akan tertumpu kepada sejauh mana sesuatu maklumat yang akan disebarkan melalui media massa dapat mempengaruhi sikap atau tingkah laku pendengar. Katz dan Blumber (1974) juga turut menyatakan bahawa menurut mereka itu Teori Kegunaan dan Pemuasan memainkan peranan yang sangat aktif dalam memilih dan menggunakan media.

McQuail dan Windahl (1982) juga turut menyatakan bahawa teori ini mempunyai beberapa andaian yang telah disebutkan, yang pertama ia menyatakan bahawa dalam proses komunikasi massa, khalayak merupakan penyebab kepada proses pemilihan media untuk memenuhi keperluan dan khalayak adalah sebagai individu yang aktif yang mana mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Selain itu, menurut Rosidayu Sabran (2006) yang mana menurut pespektif media massa pula mendapati pihak media massa mempunyai perkara-perkara tertentu yang ingin dibincangkan atau dikongsi bersama masyarakat umum. Caranya adalah dengan menyiarkan perkara-perkara yang berkenaan seperti melalui siaran berita atau rancangan-rancangan di radio.

Sementara itu Samsuddin A. Rahim (2003), menjelaskan teori ini telah mengandaikan bahawa media boleh mempengaruhi pendapat orang ramai dan ia juga mengandaikan bahawa media ini turut mempengaruhi pemikiran khalayak dengan menentukan apakah perkara yang akan

dibincangkan atau di fikirkan itu. Terdapat beberapa perkara yang dapat ditentukan oleh media seperti radio ini. Antaranya ialah dalam menentukan apakah perkara-perkara yang akan khalayak fikirkan semasa mendengar radia. Kedua, menentukan apakah fakta yang akan disampaikan dalam radio ini boleh dipercayai atau tidak. Radio juga merupakan medium yang menentukan penyelesaian apa yang terbaik oleh khalayak semasa mendengar isu-isu yang cuba disampaikan.

Littlejohn (1996) pula telah menyatakan beberapa pendapat berkaitan radio ini iaitu ia melihat proses penetapan agenda dalam tiga bahagian iaitu yang pertama berkaitan dengan Prioriti isu dibincangkan oleh pihak media atau penentuan agenda media. Kedua, agenda media yang cuba disampaikan oleh radio ini mempengaruhi pemikiran masyarakat atau agenda umum dalam menyebarkan maklumat. Ketiga, agenda umum mempengaruhi pemikiran pembuat dasar atau agenda polisi. Keadaan ini menunjukkan agenda media mempengaruhi agenda umum dan agenda umum pula mempengaruhi agenda polisi. Oleh itu, kita dapat simpulkan media massa mempunyai pengaruh kuat terhadap agenda umum tetapi bergantung kepada keadaan. Pada asasnya dapat dikatakan bahawa andaian utama teori ini ialah anggota sesuatu khalayak membuat pilihan secara sedar dan terangsang kepada saluran dan kandungan yang diberikan.

Menurut McQuail & Windhal (1981) dan Tan (1981) dalam Samsuddin A. Rahim (2003) individu yang suka menonton televisyen atau mendengar radio, ianya bertujuan untuk mendapatkan berita, ada juga dari mereka yang ingin mendapatkan hiburan dan tidak kurang juga yang menganggap televisyen atau radio sebagai `teman" yang perlu sentiasa berada disampingnya, walaupun ia tidak banyak memberi perhatian kepada apa yang disiarkan melalui televisyen atau radio tersebut. Teori Kegunaan dan Pemuasan ini pada asasnya mempunyai andaian berikut khalayak adalah individu yang aktif, iaitu mereka mempunyai tujuan dan